

# PM: Pekerja kita nikmati hidup selesa

U.M. 1 - MAY 1993

KUALA LUMPUR 30 April — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, para pekerja Malaysia menikmati taraf hidup yang selesa dan jauh lebih baik daripada negara-negara lain kerana wujudnya persefahaman di antara majikan, pekerja dan kerajaan.

Oleh itu, katanya, adalah perlu persefahaman ini dikekalkan kerana ia telah membantu mewujudkan keharmonian perusahaan.

"Keadaan ini bukan sahaja membolehkan kerajaan menumpukan perhatian kepada usaha-usaha pembangunan ekonomi demi faedah rakyat tetapi juga mendorong para pelabur terutamanya dari luar negara untuk melabur di sini," ujarnya dalam perutusan Hari Pekerja yang akan disambut di seluruh dunia esok.

Menurut Dr. Maha-

thir, rakyat Malaysia adalah di antara pekerja yang bernasib baik di dunia ini dan seharusnya bersyukur.

Ini kerana, Malaysia tidak menghadapi masalah pengangguran kerana setiap warganegara yang memasuki pasaran pekerjaan boleh mendapat pekerjaan jika mereka tidak terlalu memilih.

Para pekerja, juga katanya, haruslah sedar bahawa keamanan adalah faktor penting yang menentukan kemajuan negara.

Kata beliau, sebarang pertikaian perusahaan hanya akan mengancam daya saingan negara dan jika ini berlaku, negara dan para pekerja akan menanggung kerugian.

Rakyat Malaysia, kata Dr. Mahathir wajar mem-

■ Lihat muka 2

## PM: Pekerja kita nikmati hidup selesa

U.M. 1 - MAY 1983

pelajari daripada pengalaman beberapa negara maju yang akibat tindakan perusahaan yang tidak bertanggungjawab oleh para pekerja mereka telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat.

Dr. Mahathir menambah, akibat daripada tindakan itu, akhirnya, bukan sahaja hasil barangan keluaran mereka tidak mampu bersaing tetapi prestasi ekonomi mereka juga turut terjejas.

Malah, kata Perdana Menteri, pengangguran negara-negara berkenaan telah meningkat sehingga 20 peratus dan ramai yang tidak mampu memiliki rumah.

"Apabila ini berlaku, adalah didapati amat sukar bagi negara-negara ini untuk memulihkan semula ekonomi mereka.

Inilah sebabnya kita selalu mengingatkan para pekerja kita supaya berhati-hati dan mengambil kira kepentingan umum dalam membuat sebarang tindakan perusahaan," tegas beliau.

Dr. Mahathir juga mengingatkan para pekerja bahawa konfrontasi di antara majikan dan pekerja bukanlah sebaik-baik cara untuk menyelesaikan sebarang kebuntuan.

Katanya, cara itu juga bukanlah sebahagian daripada budaya Malaysia.

Sbaliknya, jelas beliau, konfrontasi hanya akan mengeruhkan lagi suasana dan keadaan.

"Cara paling baik untuk menyelesaikan sebarang masalah di antara pekerja dengan majikan ialah melalui rundingan serta kesanggupan bertolak ansur," kata Perdana Menteri.

Bagi pihak kerajaan, kata Dr. Mahathir, kerajaan akan sentiasa bertindak adil dalam menyelesaikan pertikaian di antara majikan dengan pekerja.

Jelasnya, sementara kerajaan melindungi kepentingan pekerja dan menentukan supaya maji-

kan sentiasa berlaku adil, kerajaan juga bertanggungjawab memastikan kepentingan majikan dihormati oleh pekerja.

Majikan, kata Dr. Mahathir tidak boleh meraih keuntungan tanpa pekerja dan pekerja pula tidak akan dapat pekerjaan tanpa majikan.

Beliau juga mengingatkan seluruh kaum pekerja bahawa Malaysia cuma mempunyai lebih kurang 27 tahun sahaja lagi untuk mencapai taraf negara maju.

Matlamat ini hanya akan tercapai jika para pekerja turut memainkan peranan yang berkesan.

Di samping menentu-

kan suasana pelaburan yang baik, Dr. Mahathir menegaskan bahawa pekerja juga perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti supaya hasil barangan keluaran negara terus dapat bersaing di pasaran dunia.

"Sempena Hari Pekerja, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Pekerja. Marilah kita meningkatkan azam dan sama-sama berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang dihormati dan disanjung tinggi," ujar Perdana Menteri.